



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 13 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAQIS RAMPAS 870KG BUNGA KERING, LOKAL, HM -8 MAQIS RAMPAS BUNGA KERING DIIMPORT DARI CHINA BERNILAI RM26,587, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -20 870KG BUNGA KERING TANPA PERMIT DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	MARANG BEBAS HAWAR BERDARAH, NEGERI TERENGGANU, SH -26	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5. 6. 7. 8.	TAKTIK NELAYAN ASING RENTANGKAN TALI PUKAT UNTUK LOLOSKAN DIRI GAGAL, NEGERI TERENGGANU, SH -26 15 NELAYAN VIETNAM CUBA LOLOS DICEKUP, DALAM NEGERI, UM -30 CUBAAN NELAYAN VIETNAM LOLOSKAN DIRI GAGAL, NEGARA, KOSMO -17 16 TUKUN TIRUAN KUBOID DI PERAIRAN NENASI, NASIONAL, BH -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9. 10. 11.	MENTERI JANJI TIGA PERKARA KEPADA PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -5 'KAMI SUDAH LETIH, CUKUP LAMA MENDERITA', DALAM NEGERI, UM -5 ORANG TENGAH PUNCA BENIH TAK CUKUP, DALAM NEGERI, UM -5	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
12. 13.	PERTANIAN LESTARI, BERTEKNOLOGI TINGGI, GAYA TANI, UM -24 TEKNOLOGI MEMUDAHKAN, GAYA TANI, UM -25	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
14. 15. 16. 17. 18. 19.	KUOTA BENIH PADI BERSUBSIDI CETUS MASALAH, BERITA TV9 -ONLINE PADI HASIL BERAS NEGARA MEROSOT 300,000 TAN SETAHUN, BULETIN TV3 -ONLINE PERHALUSI PAMPASAN UNTUK NELAYAN, LOKAL, HM -9 TASK FORCE TO FINALISE PAYMENT FOR FISHERMEN AFFECTED BY PSR, NATION, THE STAR -12 SELANGOR, KL PUTRAJAYA AND SABAH UNDER CMCO, NEWS, NST -2 INFECTED FRONTLINERS, KIN CAN ACCESS RM5M FUND, NEWS, NST -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



ANTARA bunga kering yang dirampas.

Maqis rampas 870kg bunga kering

Pelabuhan Klang: Sejumlah 870 kilogram (kg) bunga kering dari China yang dibawa masuk tanpa permit import sah dirampas oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor, Khamis lalu.

Pengarahnya, Dr Tarmisal Alimin berkata, bunga kering itu dirampas selepas pihaknya menahan sebuah kontena di pintu masuk Maqis di Pelabuhan Klang Utara pada jam 2 petang.

"Ketika pemeriksaan ke atas kontena berkenaan di Tapak Pemeriksaan Gudang B2, terdapat dua jenis bunga kering iaitu *Dried Lily Flower* dan *Dried Flower Tea* yang dibawa

masuk tanpa Permit Import sah dikeluarkan Maqis.

"Keseluruhan hasil rampasan dianggarkan seberat 700 kilogram *Dried Lily Flower* manakala *Dried Flower Tea* pula seberat 170 kilogram dan semua daga-
ngan bernilai RM26,587.43.

"Bunga kering yang dibawa masuk ini dipercayai untuk pasaran tempatan bagi perusahaan minuman dan makanan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Tarmisal berkata, kontena yang membawa daga-
ngan itu disita dan kes di-
siasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2020	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	20

Maqis rampas bunga kering diimport dari China bernilai RM26,587

PELABUHAN KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor merampas bunga kering yang diimport dari negara China selepas menahan sebuah kontena di pintu masuk Maqis Pelabuhan Klang Utara di sini.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, dalam kejadian Khamis lalu, terdapat dua jenis bunga kering iaitu *dried lily flower* dan *dried flower tea* yang dibawa masuk tanpa permit import yang sah dikeluarkan oleh Maqis.

“Pemeriksaan dijalankan Maqis di Tapak Pemeriksaan Gudang B2 dan bunga kering yang dirampas seberat 700 kilogram.

“*Dried flower tea* pula seberat 170 kilogram dan kesemua dagangan tersebut bernilai RM26,587.43,” katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Tarmisal berkata, kontena yang membawa dagangan tersebut juga telah disita.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728). Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

“Maqis akan sentiasa memastikan ketelitian dan kecekapan bagi setiap pemeriksaan yang dilaksanakan bagi kesemua keluaran pertanian yang diimport ke negara ini.

“Ini kerana untuk memastikan keterjaminan setiap keluaran pertanian yang dibawa masuk ke negara ini tiada perosak dan penyakit serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan kerajaan,” katanya.

870 kg bunga kering tanpa permit dirampas

KLANG – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor menyita sebuah kontena yang membawa 870 kilogram (kg) bunga kering tanpa permit bernilai RM26,587.43 di pintu masuk Pelabuhan Klang Utara, di sini Khamis lalu.

Dalam pemeriksaan kira-kira pukul 2 petang itu bagaimanapun tiada tangkapan dilakukan pihak berkuasa tersebut.

Pengarah Maqis Selangor, Dr. Tarmisal Alimin berkata, hasil pemeriksaan menemui dua jenis bunga kering iaitu lili dan kekwa yang diimport dari negara China, dipercayai untuk perusahaan minuman dan makanan bagi pasaran tempatan.

"Hasil siasatan mendapati syarikat yang membawa masuk bunga kering itu tidak mempunyai permit import sah daripada Maqis.

"Keseluruhan rampasan itu masing-masing 700 kg untuk bunga lili dan selebihnya 170 kg kekwa dengan dianggarkan bernilai RM26,587.43," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau menambah, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," ujarinya.

Jelas Tarmisal, pihaknya akan sentiasa memastikan



SEBAHAGIAN bunga kekwa yang dirampas Maqis di Pelabuhan Klang Utara, Klang, Khamis lalu.

ketelitian dan kecekapan bagi setiap pemeriksaan yang dilaksanakan bagi kesemua keluaran pertanian yang diimport ke negara ini.

"Perkara ini penting untuk memastikan jaminan setiap keluaran pertanian yang dibawa masuk ke negara ini tiada perosak dan penyakit serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan kerajaan," jelasnya.

13/10/2020

SINAR
HARIANNEGERI
TERENGGANU

26

Kali terakhir kematian ternakan akibat penyakit itu ialah pada 28 September lalu

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Daerah Marang diisytiharkan bebas wabak *heamorrhagic septicaemia* (HS) atau hawar berdarah pada 27 September lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu, Dr Mohd Termizi Ghazali berkata, setakat ini tiada kes kematian terbunuh melibatkan ternakan akibat penyakit tersebut dilaporkan selepas kematian terakhir dilaporkan berlaku di daerah tersebut pada 2 September lepas.

Menurutnya, dua daerah iaitu Marang dan Kuala Terengganu disahkan mendapat jangkitan hawar berdarah dengan kematian terakhir bagi daerah Kuala Terengganu ialah pada 28 September lalu.

"Operasi pemvaksinan bagi kes hawar berdarah di daerah Marang telah selesai pada 14 September," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, wabak

Marang bebas hawar berdarah



Sebahagian ternakan peliharaan keluarga Muhammad Syukur di Kampung Banggol Katong, Kuala Terengganu mati akibat dijangkiti wabak HS sehingga kerugian ratusan ribu ringgit. Gambar kecil: Dr Mohd Termizi

tersebut yang berlaku di Marang dan Kuala Terengganu telah menyebabkan kematian sebanyak 19 ekor lembu dan 80 ekor kerbau manakala jumlah ternakan divaksin melibatkan 1,652 ekor lembu dan 72 ekor kerbau daripada 16 penternak.

Dalam tempoh sembilan bulan tahun ini, katanya, sebanyak 26,545 ekor ternakan menerima suntikan vaksin bagi mencegah penyakit hawar berdarah serta penyakit kuku dan mulut (FMD) meliputi seluruh daerah di negeri ini.

Katanya, sebanyak 15,509 ternakan mendapat

suntikan vaksin FMD manakala sebanyak 11,036 ternakan mendapat suntikan hawar berdarah.

"Kesemua proses pemvaksinan itu dilakukan bermula Januari hingga 28 September lalu melibatkan lapan daerah iaitu Besut, Setiu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman," katanya.

Kes hawar berdarah di Terengganu mendapat perhatian setelah 36 ekor kerbau peliharaan keluarga Muhammad Syukur Khamis, 15, atau lebih dikenali sebagai 'Mowgli Ma-

laysia' dikesan mati di Kampung Banggol Katong, di sini sejak 9 September lalu.

Kes pertama jangkitan wabak itu mula dilaporkan berlaku di Kampung Tuman Jerong, Marang melibatkan kematian mengejut 22 ekor kerbau dan 15 ekor lembu milik 13 penternak pada 9 Ogos lalu.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu telah menjalankan operasi memberi vaksin kepada haiwan ternakan di dua daerah itu secara berperingkat bagi mengekang penularan wabak berkenaan.

Kemelut politik tak ubah seperti negara mundur

KUALA TERENGGANU - Kemelut politik yang berlaku di negara ketika ini tidak ubah seperti negara-negara mundur kerana sering bergolak untuk mengubah kerajaan.

Exco Pemuda UMNO, Datuk Dr Najmil Faiz Mohamed Aris berkata, pergolakan politik yang panjang itu merugikan rakyat dan negara apatah lagi kerajaan hari ini tidak stabil kerana mempunyai majoriti yang sedikit.

Menurutnya, sejak UMNO-Barisan Nasional (BN) tewas pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), hingga ke hari ini, politik Malaysia tidak stabil dan sentiasa bergolak.

"Lebih memeritkan, sejak pandemik Covid-19, ramai yang terbeban dan terjejas. Rakyat sudah bosan dengan permainan politik."

"Mana perginya hala tuju negara yang gilang gemilang seperti dahulu? Adanya Transformasi Nasional 2050 (TN50) dan Program Transformasi Ekonomi yang menjadi panduan negara dan terbukti berjaya," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Walaupun hanya pemimpin kecil dalam parti katanya, beliau perlu bersuara memastikan tanggungjawab dan amanah dilakukan sebaik mungkin untuk memastikan nasib rakyat terbelah.

Jelasnya, rakyat merupakan nadi dalam perjuangan, namun mereka perlu membuat pilihan yang bijak dalam memilih kerajaan pada PRU15 akan datang.

Katanya, rakyat juga akan rugi dan terkebelakang jika sekali lagi tersilap membuat pilihan.



NAJMIL FAIZ

Taktik nelayan asing rentangkan tali pukat untuk loloskan diri gagal

KEMAMAN - Tindakan 15 nelayan asing yang bertindak merentangkan tali pukat sebagai taktik untuk melarikan diri ke sempadan perairan negara tidak berhasil apabila ditahan pasukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Kesemua nelayan dari Vietnam berusia antara 24 tahun hingga 55 tahun itu ditahan menerusi Ops Khas Kuda Laut di perairan Terengganu Sabtu lalu, iaitu di sekitar 150 batu nautika dari Kuala Kemaman, di sini kira-kira jam 12.05 tengah hari.

Pengarah APMM Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, kehadiran sebuah bot asing di lokasi dikesan melalui penglihatan dan radar iaitu sekitar jam 11.45 pagi.

Beliau berkata, sejour menyedari kapal ronda APMM



Seramai 15 nelayan asing termasuk tekong ditahan dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kemaman pagi semalam.

menghampiri lokasi, mereka terus bertindak merentangkan tali pukat dan cuba melarikan diri dengan belayar menuju ke arah sempadan perairan negara.

"Selepas hampir 20 minit dikejar, akhirnya bot berkenaan

ditahan dan hasil pemeriksaan mendapati seramai 15 nelayan Vietnam termasuk tekong berada di dalam bot berkenaan dan seterusnya ditahan untuk siasatan lanjut.

"Selain bot yang ditahan,

turut dirampas sejumlah ikan campur anggaran sekitar 13 tan, diesel anggaran 1,000 liter dan peralatan yang kesemuanya bernilai kira-kira RM1.6 juta," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Rashidilhadi berkata, kesemua nelayan tersebut berserta bot dan hasil rampasan dibawa masuk ke Jeti Zon Maritim Kemaman, kira-kira jam 7.30 pagi semalam.

"Mereka semua akan menjalani ujian saringan koronavirus (Covid-19) sebelum diserahkan untuk siasatan lanjut di bawah Akta Perikanan dan Akta Imigrasi 1953/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Sementara itu, tegas beliau, operasi memberantas kegiatan pencerooban nelayan asing khususnya dari Vietnam akan diteruskan tanpa henti dan pihaknya juga akan menggunakan pelbagai kaedah pelaksanaan operasi bagi melindungi hasil laut negara serta khazanahnya daripada dicuri dan dirompak oleh nelayan asing.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

15 nelayan Vietnam cuba lolos dicekup

KEMAMAN: Cubaan 15 nelayan Vietnam merentangkan tali pukat untuk meloloskan diri daripada dicekup Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) gagal apabila bot itu ditahan, Sabtu lalu.

Pengarah Zon Maritim Malaysia Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, bot itu ditahan dalam Op Khas Kuda Laut pada kedudukan 150 batu nautika dari Kuala Kemaman, kira-kira pukul 12.05 tengah hari.

Katanya, kehadiran bot nelayan Vietnam yang mencuri hasil laut negara itu dikesan pihaknya pada pukul 11.45 pagi.

“Semasa kapal ronda Maritim Malaysia menghampiri bot itu, mereka bertindak merentangkan tali pukat dan cuba melarikan diri dengan belayar menuju ke arah sempadan perairan Malaysia.

“Namun, ketangkasan dan kecekapan anggota kita membolehkan bot tersebut ditahan 20 minit kemudian,” katanya.

Rashidilhadi berkata, hasil pemeriksaan mendapati kesemua nelayan berusia 24 hingga 55 tahun itu tidak memiliki dokumen pengenalan diri sah di samping tiada kebenaran menangkap ikan di perairan negara.

Katanya, 13 tan ikan campur, 1,000 liter diesel dan peralatan menangkap ikan yang dianggarkan bernilai RM1.6 juta turut dirampas.

Menurutnya, kesemua yang ditahan dibawa ke jeti Maritim Malaysia untuk menjalani saringan Covid-19 sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1953/63.

Cubaan nelayan Vietnam loloskan diri gagal

KEMAMAN – Cubaan sebuah bot nelayan Vietnam melepaskan diri daripada kepungan kapal peronda Maritim Malaysia (APMM) dengan menuju sempadan perairan antarabangsa gagal pada Sabtu lalu.

Bot tersebut ditahan pada kedudukan kira-kira 150 batu nautika dari Kuala Kemaman pada pukul 12.05 tengah hari.

Pengarah Maritim Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, sewaktu dikesan kapal peronda pada pukul 11.45 pagi, bot nelayan Vietnam itu sedang leka menangkap ikan.

"Sebaik menyedari kehadiran kapal peronda APMM, nelayan Vietnam terlibat telah

merentangkan tali pukut dan memecut laju bot mereka ke sempadan perairan antarabangsa.

"Begitupun, bot itu berjaya dipintas sebelum dapat ditahan selepas dikejar kira-kira 20 minit," katanya di sini semalam.

Menurutnya, pemeriksaan terhadap 15 nelayan Vietnam yang berusia antara 24 hingga 55 tahun itu mendapati, kesemua mereka tidak memiliki dokumen perjalanan sah selain bot nelayan tiada mempunyai lesen untuk menangkap ikan.

"Sebanyak 13 tan ikan, 1,000 liter minyak diesel, peralatan menangkap ikan dan bot yang dianggarkan bernilai RM1.6 juta dirampas," ujarinya.



SERAMAI 15 nelayan Vietnam yang ditahan kerana menceroboh perairan negara di Markas APMM Kemaman baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Tukun tiruan jenis kuboid ditempatkan di perairan Nenasi, dekat Pekan.



16 tukun tiruan kuboid di perairan Nenasi

Pekan: Jabatan Perikanan Pahang menempatkan 16 unit tukun tiruan konkrit jenis kuboid berharga RM400,000 dengan setiap satu seberat lima tan di perairan Nenasi, dekat sini.

Pengarah, Abdullah Jafar, berkata tukun tiruan berbentuk empat segi (kuboid) ditempatkan Sabtu lalu dan berfungsi sebagai tempat pembiakan pelbagai jenis ikan seperti kerapu, kerisi, merah, selar kuning, kembung, udang serta sotong.

Katanya, ia adalah antara usaha pihak Jabatan Perikanan Pahang memulihara kawasan pembiakan

serta habitat hidupan laut, selain memberi perlindungan kepada sumber perikanan.

Beliau berkata, usaha dilakukan itu diharap dapat meningkatkan lagi sosioekonomi khususnya komuniti nelayan setempat selain memajukan lagi sektor pelancongan menerusi aktiviti memancing yang begitu terkenal di daerah ini.

"Kajian dilakukan mendapati pelbagai jenis ikan, tumbuhan karang dan hidupan marin lain akan menjadikan tukun berkecambah habitat baharu selepas enam bulan tukun tiruan ditempatkan di kawa-

san terbabit.

"Selain dijadikan tempat pembiakan pelbagai jenis ikan, tukun konkrit ini turut berfungsi sebagai penghalang aktiviti nelayan pukut tunda yang sebelum ini banyak dilaporkan di perairan negeri ini. Pukat tunda yang tersangkut pada tukun akan pecah, manakala tali penarik putus," katanya, dihubungi di sini semalam.

Abdullah berkata, pihaknya yakin aktiviti pukut tunda membabitkan nelayan asing di kawasan terbabit dapat diatasi kerana tukun tiruan seolah serampang dua mata buat nelayan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Pesawah mahu benih padi berkualiti

'Kami sudah letih, cukup lama menderita'

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU: Meskipun sudah banyak kali isu benih padi tidak berkualiti dibangkitkan, masalah tersebut tidak pernah selesai yang akhirnya mengundang derita kepada golongan terabit kerana terpaksa menanggung kerugian saban tahun.

Rata-rata pesawah mengeluh dan mengadu penat setiap kali musim menuai, hasil padi merosot sehingga 50 peratus disebabkan masalah benih padi tidak berkualiti selain kelewatan dan kekurangan bekalan tersebut.

Seorang pesawah, Uda Yussof, 73, berkata, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, hasil padi di kawasan seluas hampir satu hektar yang diusahakannya di Guar Sanji, di sini merosot sehingga 50 peratus berikutan masalah bekalan benih tidak berkualiti.

Katanya, sepatutnya dia mampu menjana pendapatan RM7,000 namun hasil yang merosot menyebabkan hanya mampu mendapat sekitar RM3,000.

"Para pesawah kadangkala letih apabila masalah sama berlarutan saban tahun. Kadangkala hasil tanaman baik, kadangkala merosot sehingga 50 hingga 70 peratus. Disebabkan padi benih tidak berkualiti, pertumbuhan padi terhantut.

"Saya sangat berharap pihak bertanggungjawab dapat menyelesaikan masalah padi benih ini. Kalau boleh, bekalkan padi benih berkualiti dan tidak lam-



SAIFULLAH Abi Jamrah melihat traktor membajak sawah untuk proses tanaman padi di Guar Sanji, Arau. Perlis, semalam. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB



UDA YUSSOF

bat," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Kelmarin, *Mingguan Malaysia* melaporkan ekoran benih padi tidak berkualiti yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat pembekal menyebabkan hasil beras ne-gara merosot kira-kira 300,000

tan metrik setahun dengan kerugian para pesawah pula dianggarkan mencecah sehingga RM300,000 juta.

Seorang lagi pesawah, Mohd. Khairul Arshad, 40, yang turut mengalami kerugian ribuan ringgit selepas lebih 50 peratus hasil padi yang diusahakan di kawasan seluas kira-kira 16 hektar itu rosak, berharap kerajaan segera mengambil tindakan menyelesaikan isu tersebut.

Malah, dia menjangkakan masalah sama berulang musim ini, selepas benih padi sehingga kini belum diperoleh.

"Dalam masa sama, isu kelewatan juga menyebabkan jadual penanaman padi berterabur sekali gus memberi kesan kepada tanaman. Tambahan selepas ini, kita terpaksa berhadapan musim kemarau," katanya.

Saifullah Abi Jamrah, 35, pula berkata, setiap kali musim menuai, hasil yang diperolehnya merosot sehingga separuh daripada pendapatan sepatutnya menyebabkan hasratnya membeli sesuatu daripada wang hasil padi itu terbantut.

"Sekarang bukan masa lagi kerajaan mengkaji itu dan ini, sebaliknya salur terus benih berkualiti kepada para petani. Tidak perlu lagi bekal kepada kilang-kilang pembekal yang dilihat sudah gagal memainkan peranan dengan baik.

"Sudah 13 tahun syarikat pembekal benih ini diberi tanggungjawab namun mereka gagal menyediakan benih berkualiti. Yang menerima akibat adalah petani, kami sudah letih dengan masalah ini," katanya.

Menteri janji tiga perkara kepada pesawah

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah berjanji akan mengambil tiga langkah proaktif bagi menyelesaikan dilema benih padi tidak berkualiti.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Nurfitri Amir Muhammad memaklumkan, melalui mesyuarat yang dihadiri oleh Menteri, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee pada 6 Oktober lalu, kerajaan bersetuju melaksanakan pengedaran melalui Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan ejen berdaftar.

Selain itu katanya, Kementerian juga berjanji akan memperbanyakkan pengeluaran benih padi dalam jangka masa panjang dan cadangan pengedaran melalui kupon akan dikaji lebih lanjut.

"Setakat ini, ia pilihan terbaik kerana ada pengkalan data dan sistem pengedaran ke seluruh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Walaupun ada kelemahan-nya di setengah tempat, dari semasa ke semasa kena buat penilaian dan penambahbaikan.

"Pengeluar mesti mendapatkan maklum balas daripada petani melalui PPK. Varieti benih apakah yang mereka kehendaki berdasarkan kesesuaian musim dan keadaan semasa di lokasi masing-masing," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Sebelum ini, *Mingguan Malaysia* melaporkan, ekoran benih padi tidak berkualiti yang dibekalkan oleh syarikat pembekal menyebabkan hasil beras negara merosot kira-kira 300,000 tan metrik setahun dengan kerugian para pesawah pula dianggarkan mencecah sehingga RM300 juta.

Orang tengah punca benih tak cukup

ALOR SETAR: Angkara orang tengah.

Demikian keluhan pesawah di negeri ini yang berdepan masalah kekurangan bekalan benih padi selain harga tidak menentu setiap kali menjelang musim menanam padi.

Mereka mendakwa, masalah tersebut berlaku dipercayai berpunca daripada tindakan orang tengah yang ingin mengaut ke-

untungan daripada kesempitan hidup pesawah.

Pesawah, Husin Yakob, 56, dari Kampung Matang Mahang, Alor Hitam berkata, petani difahamkan harga benih padi dari kilang adalah kira-kira RM28 bagi setiap 20 kilogram.

Bagaimanapun katanya, pesawah terpaksa membeli benih padi pada harga RM35 hingga RM65, tidak termasuk kos pen-

gangkutan terutamanya ketika bekalan berkurangan di pasaran.

"Pesawah terpaksa membeli benih padi itu walaupun mahal selepas tapak sawah mereka sudah dibajak untuk kerja-kerja menabur benih. Pembekal memberi alasan bekalan benih padi kurang di pasaran dan mereka terpaksa menaikkan harga.

"Kami sangat kecewa kerana

masalah itu sering kali berlaku tetapi tiada jalan penyelesaian dilakukan pihak yang bertanggungjawab," katanya.

Seorang lagi pesawah, Jamaludin Mahmud, 64, dari Kampung Alor Berhala, Mukim Tobiar, Pendang berkata, kebiasaannya orang tengah itu membabitkan pemilik lori yang mengambil padi dari pesawah sebelum dijual ke kilang.

13/10/2020

UTUSAN
MALAYSIA

GAYA TANI

24

Jelapang padi Pahang berpotensi menjadi pusat pengeluaran benih padi

Pertanian lestari, berteknologi tinggi

MUKADIMAH

SEBUT sahaja Rompin, pastinya terbangun udang galah pejal, segar dan menyelerakan yang menjadi habitat di sungai-sungai daerah itu.

Lokasi di pesisir pantai menjadikan daerah itu sebagai syurga pemancing dan penggemar makanan laut malah kewujudan ikan layaran membuatkan daerah itu menjadi sebutan dalam peta dunia.

Lebih menarik lagi kawasan penanaman padi di daerah ini melangkah ke platform baharu dengan pertanian lestari dan teknologi baharu yang melibatkan golongan muda.

Seluas 3,578 hektar kawasan penanaman padi dikenal pasti di daerah ini meliputi empat kawasan jelapang iaitu Paya Setajam, Paya Sepayang, Paya Laka, dan Paya Tebu Hitam manakala dua kawasan terletak di luar jelapang iaitu Paya Sg. Meranti dan Jawa Pantai.

Wartawan Utusan Malaysia **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN** mengupas potensi kawasan sawah Padi Paya Sepayang yang terletak dalam Jelapang Padi Pahang dan bakal menjadi pusat pengeluaran benih padi pertama di negeri tersebut.

TUNERA, dron, perangkap cahaya, pemantau kaji cuaca merupakan antara amalan penanaman padi di Jelapang Padi Paya Sepayang, Rompin dalam membawa anjakan baharu kepada rantaian utama pengeluaran beras negara itu. Pertanian lestari dan penggunaan teknologi moden yang dapat menarik minat golongan muda merupakan fokus dalam pembangunan jelapang padi Pahang termasuklah di Paya Sepayang.

LAPORAN KHAS SIRI 1

Pegawai Pertanian Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Rompin, **Hasreana Ramli** (gambar) berkata, amalan pertanian lestari yang mampu menyediakan makanan yang selamat serta penggunaan teknologi seperti dron telah dimulakan di Jelapang Padi Paya Sepayang.

Katanya, Paya Sepayang berkeluasan 240 hektar (ha) dengan melibatkan 122 pesawah berdaftar termasuk golongan muda amat berpotensi dibangunkan dalam pelbagai aspek termasuk pelancongan malahan ia dirancang menjadi pusat pengeluaran benih pertama di negeri ini.

"Dalam pertanian lestari kita tekankan pendekatan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) bermakna kita mempelbagaikan sumber sebaik mungkin dengan



Dalam pertanian lestari kita tekankan pendekatan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) bermakna kita mempelbagaikan sumber sebaik mungkin dengan mengurangkan penggunaan racun perosak, bukan tidak boleh guna tetapi pilihan itu adalah yang terakhir."

HASREANA RAMLI



HASREANA Ramli (kanan) bertanya sesuatu kepada pesawah muda, **Zulnizan Zaini** (kiri) dan **Ahmad Sabri Mohd Rafi** di Paya Sepayang, Rompin, Pahang.



13/10/2020

UTUSAN

GAYA TANI

25

MALAYSIA



ANTARA pokok tunera dan ros Jepun yang ditanam di Paya Sepayang bagi mengawal serangga perosak secara lestari.

mengurangkan penggunaan racun perosak, bukan tidak boleh guna tetapi pilihan itu adalah yang terakhir.

"Maknanya kita akan gunakan bahan berasaskan daripada sumber organik terutamanya, kita hendak memelihara tanah sebab kadang-kadang hasil kita turun pun sebab tanah kita tidak subur disebabkan penggunaan bahan kimia yang berterusan dari tahun ke tahun," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Hasreana, keluasan kawasan jelapang padi Rompin ialah kira-kira 3,288 hektar melibatkan Paya Setajam (1,850 ha), Paya Sepayang (280 ha), Paya Laka (713 ha) dan Paya Tebu Hitam seluas 445 ha.

Selain itu, beliau memberitahu, terdapat juga penanaman padi di luar kawasan Jelapang iaitu di Paya Sg. Meranti seluas 90 ha dan Jawa Pantai seluas 200 ha.

Dalam pada itu, beliau berkata, antara kaedah pertanian lestari yang diterapkan ialah penanaman tumbuhan perumah pemangsa yang memakan perosak padi seperti pokok tunera dan ros Jepun di kawasan sawah padi selain pembinaan rumah burung pungguk bagi mengawal tikus.

Selain itu katanya, pemasangan perangkat cahaya berkuasa solar iaitu bertujuan memerangkap serangga perosak bertujuan mengawal kerana ia berbahaya kepada padi. Ia juga merupakan antara usaha signifikan dalam pertanian lestari yang dapat membantu petani.

Katanya, alat pengesan serangga perosak berhijrah juga dipasang di kawasan itu manakala pesawah juga dilengkapi dengan aplikasi ramalan cuaca bagi mereka merancang aktiviti pertanian dengan lebih efisien.

PROGRAM IADA ROMPIN DI PAYA SEPAYANG

- » Bilangan pesawah: 122 orang
- » Menyasarkan penglibatan pelbagai golongan termasuk golongan muda.
- » Dirancang menjadi pusat penghasilan benih padi pertama di Pahang.

Konsep pelaksanaan pertanian lestari

- » Meminimumkan penggunaan racun.
- » Penggunaan baja secara spesifik.
- » Penggunaan teknologi seperti dron dan pemantauan cuaca

- » Penggunaan tumbuhan perumah pemangsa seperti tunera.
- » Penggunaan burung pungguk.
- » Penggunaan tenaga solar pada alat perangkat serangga perosak

Teknologi memudahkan

DALAM pada itu, Hasreana Ramli berkata, penggunaan dron dalam aktiviti membaja dan meracun yang tidak memerlukan banyak tenaga menyaksikan peralihan pesawah kepada teknologi baharu yang sekaligus menarik minat golongan muda.

Katanya, penggunaan dron juga dilihat diambil kesempatan golongan muda untuk mengambil upah menabur baja dan racun sekaligus menyediakan peluang pekerjaan baharu kepada mereka.

Sementara itu, katanya, dalam mengatasi masalah tempahan benih padi pihaknya juga mencadangkan supaya kawasan Paya Sepayang sebagai kawasan pengeluaran benih padi pertama di Pahang.

Ujarnya, Paya Sepayang amat berpotensi kerana bukan sahaja mempunyai kemudahan infrastruktur yang baik malahan terletak di kawasan agak 'terasing' menyebabkan ia dapat dibuat zon penampungan.



Bersambung minggu depan

PERANGKAP cahaya yang menggunakan tenaga solar dipasang bagi memerangkap serangga dan memantau gangguan serangga perosak.



PAYA Sepayang di Rompin antara jelapang padi Pahang yang berpotensi dan mempunyai tanah yang subur serta infrastruktur yang baik.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2020	BERITA TV9	ONLINE	

KUOTA BENIH PADI BERSUBSIDI CETUS MASALAH



Berita TV9

20 jam · 🌐

Kuota Benih Padi Bersubsidi Cetus Masalah

Kerajaan digesa menghapuskan skim pemberian kuota benih padi bersubsidi yang ketika ini melibatkan 9 syarikat pengeluar dalam negara.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/10/2020	BULETIN TV3	ONLINE	

PADI HASIL BERAS NEGARA MEROSOT 300,000 TAN SETAHUN



Georgetown: Kerajaan negeri memperhalusi inisiatif, langkah mitigasi dan mekanisme bagi memuktamadkan pakej ex-gratia (bayaran pampasan) terhadap nelayan yang bakal terjejas susulan projek tambahan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR).

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir Pulau Pinang Zairil Khir Johari berkata, semua perkara itu akan dibincangkan Jawatankuasa Petugas Nelayan yang dipengerusikan Timbalan Ketua Menteri I Datuk Zakaryuddin Abdul Rahman.

Menurutnya, memahami impak yang bakal berlaku berikutan projek terbabit, tiga pakej di bawah Pelan Pengurusan Impak Sosial

Perhalusi pampasan untuk nelayan

(SIMP) disediakan untuk nelayan yang terjejas.

“Pakej pertama ialah pakej bantuan hidup memabitkan bayaran ex-gratia dan elaun bulanan mereka manakala pakej kedua ialah pemerkasaan seperti pembinaan jeti baharu, koperasi nelayan, skim tuisyen dan pendidikan untuk anak-anak, skim latihan untuk nelayan dan anak-anak peluang pekerjaan bagi mereka yang layak.

“Bagi pakej ketiga keutamaan bagi pendaftaran rumah mampu bagi membantunya nelayan yang belum memiliki rumah sendiri,” ka-

tanya ketika menjawab soalan tambahan **Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Tambun Goh Choon Aik** ketika Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) semalam.

Menurutnya, kerajaan negeri melalui pejabat dan agensi mengumpul maklumat bagi merangka pakej itu, sekali gus memahami keperluan nelayan dengan sebaik mungkin.

Sementara itu, Zairil Khir berkata, projek PSR secara keseluruhannya mendapat semua kelulusan wajib yang diperlukan daripada kerajaan Persekutuan.

Task force to finalise payment for fishermen affected by PSR

By LIEW JIA XIAN and N. TRISHA
north@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Ex-gratia payments for fishermen affected by the Penang South Reclamation (PSR) project is being finalised under the project's Social Impact Management Plan (SIMP), says Zairil Khir Johari.

The state infrastructure and Transport Committee chairman noted the state was concerned for fishermen affected by the PSR project and set up a fishermen task force committee to formulate and implement initiatives that will benefit the fishing community.

"We hope that fishermen can progress and enjoy the development brought by the project. The task force will be headed by Deputy Chief Minister I Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

"We are in the midst of refining initiatives, mitigation measures and also the implementation of the SIMP mechanism. Under it, the state is finalising an ex-gratia package for

the fishermen, which includes three packages.

"The Life Assistance package includes ex-gratia payments and monthly allowances for the fishermen. The empowerment package involves the building of a new fishing jetty, fishermen co-op, tuition and education schemes for fishermen's children and training schemes for fishermen and their children, besides creating job opportunities for those who are qualified.

"Fishermen will also be given priority for registering affordably owned houses with the hope of helping fishermen who do not own their own houses yet," he said in response to a question raised by Goh Choon Aik (PH-Bukit Tambun) in the State Assembly yesterday.

Zairil added that the Penang Transport Master Plan (PTMP) financing model has always been through the sale of reclamation land from the PSR project.

"The project delivery partner, SRS Consortium, is in the process of



improving the structure of the financial architecture, which should take into account the state of economic unrest due to the Covid-19 pandemic and other current factors.

"Therefore, the implementation schedule of PTMP project will be finalised after the financial architecture is agreed by the state government," he said.

Ahmad Zakiyuddin said the task force was formulating the package and finalising the details.

"We have consulted the state Fishermen Association and relevant agencies.

"We will be meeting with the association members and representatives personally in the coming months.

"It could be as early as next

month," he said.

Ahmad Zakiyuddin said they were still working on the total amount but it could be between RM50mil and RM60mil.

Meanwhile, state Local Government Committee chairman Jagdeep Singh Deo said the state government would monitor the impact of Covid-19 before deciding on the assessment rate next year.

"This year, the rebate cost the city councils RM47.3mil in collections.

"We will see the impact of the Covid-19 pandemic in the coming months and take into consideration the people's burden before deciding as they are our main concern.

"The local councils need money to execute their projects as well.

"They (the local councils) have approached the state government informing us of the impact they will face due to the reduction in assessment tax.

"The state government will consider giving grants to both city councils due to the major cuts in assess-

ment tax," he said.

Jagdeep was responding to an oral question by Lee Khai Loon (PH-Machang Bubuk) on how the local councils would manage due to the rebate, as assessment tax was their main source of income.

"We will consider offering grants to both the Penang Island City Council and Seberang Prai City Council due to the loss in funding from assessment tax.

"Due to the assessment rebate this year, both councils would only receive RM19.5mil and RM27.8mil respectively.

"The increase in assessment rates were discussed and approved pre-Covid-19," he said.

Over 600,000 ratepayers in Penang received a rebate on assessment rate this year.

The state had announced an assessment rate review last year where annual value of properties were adjusted to reflect the current values while the actual assessment rates were reduced.

13/10/2020

NST

NEWS

2

CONDITIONAL MOVEMENT CONTROL ORDER

SELANGOR, KL PUTRAJAYA AND SABAH UNDER CMCO

Surge in cases from 3rd wave sparks move, which will last for two weeks

ARFA YUNUS
AND DAWN CHAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE third wave of Covid-19 has prompted the government to place Selangor, Putrajaya and Kuala Lumpur under the Conditional Movement Control Order (CMCO) from tomorrow to Oct 27.

Sabah, which saw a surge in cases following its state election last month, has also been placed under the CMCO, although a day earlier until Oct 26.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yesterday said the decision was made at the National Security Council (NSC) on Sunday upon advice from the Health Ministry.

This, he said, was done after taking into consideration the increase in cases in Klang, Petaling, Gombak and other districts.

However, he said, economic activities in the four locations would be allowed to continue under strict adherence to the standard operating procedures (SOP), the details of which would be announced by the NSC soon.

For Selangor, KL and Putrajaya, wedding receptions, sports, recreational, social and cultural activities are not allowed.

Also barred is inter-district travel. Those who need to do so, he said, would need to produce their work pass or permission letter from their employers when prompted by the authorities.

Only two people per household

are allowed to go out at any one time to buy essentials.

"All schools, higher learning institutions, kindergartens, nurseries, tahfiz centres, public parks and recreational parks will be closed, as well as mosques and other places of worship."

The blanket CMCO in Selangor, caught the state government by surprise.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the state government had just concluded its meeting with the NSC and other authorities, where it discussed enforcing the CMCO only in

Petaling district, which had 298 schools closed yesterday after a surge in cases.

"This announcement came as a surprise. The conclusion of the meeting was that only Klang, Gombak, Hulu Langat and parts of Petaling have a worrying number of cases."

"We are of the view that the situation in several green and yellow zones, such as

Sabak Bernam and Kuala Selangor, are under control."

"Therefore, the state government will give its response to the NSC as soon as possible so that this can be reconsidered," said Amirudin.

He urged for more transparent crisis communication so that any decision would not lead to uncertainty that could impact frontliners, the people and small- and medium-scale industries.

Sabah had seen Lahad Datu, Tawau, Kunak, Semporna, Kota Kinabalu, Penampang and Pu-



tatan placed under the CMCO. A ban on inter-district travel statewide has been in place since Oct 3.

Ismail Sabri, who is also senior defence minister, said to ensure the safety of Sabahans, the CMCO would be enforced statewide.

Apart from the same SOP that applied to Selangor, Putrajaya and KL, Sabah will see its wholesale and daily markets operate from 6am to 2pm, and convenience stores and eateries will open from 6am to 6pm.

Eateries will be limited to takeaways, deliveries or drive-through services.

Petrol stations are allowed to operate from 6am to 6pm. Taxi and e-hailing services, as well as food deliveries, are allowed between 6am and 8pm.

"Express buses are not allowed to operate. Pharmacies are allowed to operate from 6am to 6pm. Hospitals and clinics will be allowed to open 24 hours."

"The fisheries, plantation and agriculture sectors are allowed (to operate)."

"Business and manufacturing sectors, including SMEs, that wish to continue operations can



A long line of people waiting to get into TMC, Bangsar, Kuala Lumpur, yesterday evening after the government announced the implementation of the CMCO. PIC COURTESY OF READER

apply to the Sabah Disaster Management Committee for permission."

Meanwhile, Felda Umas in Tawau has been placed under the Enhanced Movement Control Order from midnight today to Oct 26.

The area's 17,549 residents, he said, would not be allowed to leave their homes during this period, with the Health Ministry set to conduct targeted screening on residents.

Food and essential supplies, he said, would be delivered to residents by the authorities.

He reminded people that the country remained under the Recovery Movement Control Order and, as such, they should adhere to the SOP to keep infections in check.

He said there were many people arrested daily for breaking the SOP.

He cited the arrest of 663 people who had breached the SOP on Sunday as evidence of the authorities' seriousness in ensuring that the public toed the line.

Infected frontliners, kin can access RM5m fund

KUALA LUMPUR: Frontliners with the Health Ministry can benefit from the RM5 million special fund through the "MOH FWD MY Heroes Fund" if they get infected with Covid-19 while on duty.

Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (Cuepacs) president Adnan Mat said the fund, an initiative by Cuepacs and FWD Takaful, would also cover frontliners' families who were affected.

"Based on a report by the Health Ministry, more than 106 healthcare workers in government hospitals have been infected with Covid-19, excluding their families.

"However, since the launch of the fund on April 1, only 288 claims for funds totalling RM732,000 have been received:

"From the total amount, Cuepacs and FWD Takaful have made a payment of RM50,000 for one claim involving a death caused by Covid-19, a total payment of RM100,000 for 10 claims of death caused by other factors and RM552,000 for 274 claims involving hospitalisation," he said yesterday.

Cuepacs expected the number of claims to increase based on the situation in Sabah, which is the epicentre of the pandemic's third wave.

Frontliners consist of doctors, nurses, paramedics, laboratory technicians, ambulance workers, hospital administrative staff and ministry staff members handling the spread of Covid-19.

For information, visit www.cc4solutions.my